



Chg: 0.015 Vol:320410 ASIABIO (0150) Last: 0.09 Chg: -0.005 Vol:271511 PDZ (6254) Las Search...

UTAMA BERITA RADIO BERITA UTAMA NASIONAL HIBURAN EKONOMI DUNIA SUKAN VOD BERITA ARKIB HUBUNGI KAMI

Penjawat Awam Diingat Tidak Sebar Maklumat Tidak Tepat Mengenai MH370

Created On Selasa, 18 Mac 2014 17:50 Published Date Category: Utama Hits: 18

Liko 2 Tweet 1



Kluang - Penjawat awam di negara ini diingatkan agar tidak menyebarkan sebarang maklumat yang tidak tepat berkaitan kehilangan pesawat Malaysia Airlines (MAS) penerbangan MH370 bagi mengelakkan kekeliruan masyarakat.

Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal berkata arahan sudah dikeluarkan pihaknya terhadap kira-kira 1.4 penjawat awam supaya mereka tidak terlibat dalam sebarang penyebaran atau spekulasi berhubung penerbangan MH370 berkenaan.

"Banyak pihak terutama Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dan Pemangku Menteri Pengangkutan Datuk Seri Hishammuddin Hussein juga sudah berkali-kali mengingatkan hal ini. Jadi, saya mahu penjawat awam menjadi benteng pertahanan negara dengan tidak menjadi 'api dalam sekam' atau 'gunting dalam lipatan'," katanya.

Mohamad Zabidi berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan program Wacana Transformasi Kepimpinan Muda di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Wilayah Selatan.

Beliau berkata sebagai pemimpin masa hadapan, penjawat awam terutama golongan muda mesti berpegang teguh terhadap kesetiaan kepada negara lebih-lebih ketika pelbagai dugaan menimpa negara, seperti kemarau dan jerebu.

Mengenai wacana terbabit, beliau berkata program pembentangan kertas kerja yang turut melibatkan pihak swasta, komuniti setempat serta badan bukan kerajaan itu dapat 'merakyatkan perkhidmatan awam'.

< Prev

Next >

Lagi Berita Utama

Kenyataan Pemangku Menteri Pengangkutan Datuk Seri Hishammuddin Mengenai MH370 (8)

2014-03-19 09:44:24

Selanjutnya...

Usaha Cari MH370 Diperluaskan Sehingga 2.24 Juta Batu Nautika Persegi (27)

2014-03-18 21:35:31

Selanjutnya...

Malaysia Manfaatkan Hubungan Baik Untuk Libatkan Negara Lain Dalam Misi SAR (22)

2014-03-18 21:29:33

Selanjutnya...

Penjawat Awam Diingat Tidak Sebar Maklumat Tidak Tepat Mengenai MH370 (18)

2014-03-18 17:50:59

Selanjutnya...

Keputusan STPM Esok, SPM Khamis (14)

2014-03-18 17:46:21

Selanjutnya...

TPM - PT3 Ganti PMR (32)

2014-03-18 14:52:42

Selanjutnya...

Singapura Tawar Bantuan Pusat Fusian Maklumat Tentera Cari MH370 (23)

2014-03-18 10:39:38

Selanjutnya...

MH370: Tiada Maklumat Disembunyikan (52)

2014-03-17 21:44:02

Selanjutnya...

MH370: Pencarian Digerakkan Ke Koridor Utara Dan Selatan (45)

2014-03-17 21:18:49

Selanjutnya...

MH370: Jangan Rumitkan Siasatan Dengan Sebarakan Spekulasi (38)

2014-03-17 16:54:47

Selanjutnya...

Popular

Dunia Taufan Haiyan Mula Badal Filipina	Nasional Banjir Di Terengganu, Pahang Dan Johor	Ekonomi Program Baucer Kerja Bantu RM35 Sehari	Hiburan Pelakon Noreen Noor Meninggal Dunia	Sukan Keputusan Liga Juara-Juara Eropah	PRK Sg Limau Gambar 'super impose' Bukti Pembangkang
---	---	--	---	---	--